

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

1 March 2016

Boleh corak masa depan negara selepas 2020 - Abdullah

UM-1/3/2016

# Yakin kemampuan PM

Oleh HUSSAINI AMRAN  
dan SAFINA RAMLI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 FEB.

**B**EKAS Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi percaya Datuk Seri Najib Tun Razak berupaya mencorakkan masa depan negara sebagai legasi kerjanya dalam pentadbiran kerajaan dan politik.

Beliau berkata, Perdana Menteri perlu memikirkan tentang hala tuju negara selepas 100 tahun penubuhan Malaysia.

Menurut Abdullah, bahagian penghujung kembara politik Najib juga bakal melakar perjalanan baharu bagi Malaysia selepas 2020.

"Saya yakin Najib akan terus memberikan yang terbaik untuk negara kita. Ketika cabaran mengunung, renung sedalamnya ke hati sanubari untuk mencari idealisme dan visi yang membuatkan Najib memilih politik daripada puluhan pilihan yang ada.

"Buatlah perkara yang betul bukan hanya untuk menyambung legasi kepemimpinan ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein, tetapi untuk mencorak masa depan Malaysia melangkaui dekad ini," katanya ketika berucap merasmikan pelancaran buku *Najib Razak Berjiwa Besar Empat Dekad Menangkah Arus Kepimpinan dan Politik (1976-kini)* di sini hari ini.

Pada majlis sama, Najib mendeklamasikan nukilannya yang bertajuk 'Coretan Empat Dekad (1976-kini)' yang merangkumkan pengalaman pahit manis beliau ketika mengharungi kembara politiknya sejak 40 tahun lalu.

Nukilan kreatif Perdana Menteri itu turut dimuatkan dalam buku berkenaan.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor



ABDULLAH AHMAD BADAWI dan Najib Tun Razak menunjukkan buku *Najib Razak Berjiwa Besar Empat Dekad Menangkah Arus Kepimpinan dan Politik (1976-kini)* dalam majlis pelancarannya di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Rosmah Mansor serta Khairil Annas Jusoh. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

serta penulis buku tersebut, Prof. Datuk Seri Khairil Annas Jusoh dan Dr. Sabri Mohamad Sharif.

Buku setebal 467 muka terbitan Yayasan Penyelidikan Transformasi (FORT) itu mengisahkan liku-liku kehidupan, suka dan duka, saat-saat getir, peristiwa tidak diduga serta cabaran yang dilalui Najib sepanjang 40 tahun berkecimpung dalam dunia politik.

Abdullah memberitahu, kesabaran Najib selama berdekad dan pengalaman luasnya membuah hasil apabila berjaya melengkapkan perjalanan politiknya dengan menyanggah jawatan Perdana Menteri seperti bapanya.

Beliau percaya, sekiranya Tun

Abdul Razak masih hidup, Allahyarham pasti sangat berbangga dengan pencapaian anak sulungnya itu.

"Kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi adalah penting tetapi perlu diiringi dengan sifat berintegriti, jujur dan empati," jelasnya.

Abdullah turut berbangga dengan kejayaan pelbagai program transformasi yang dilaksanakan Najib sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada beliau pada 3 April 2009.

"Terimalah ini sebagai nasihat daripada seorang tua. Jadilah seorang pemimpin yang dikasihi serta dihormati, bukan yang digeruni," katanya.



**Buatlah perkara yang betul bukan hanya untuk menyambung legasi kepemimpinan ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein, tetapi untuk mencorak masa depan Malaysia melangkaui dekad ini."**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Bekas Perdana Menteri